

**BANGAU KECIL**  
Little Egret

FAMILI: Ardeidae  
NAMA SAINTIFIK: *Egretta garzetta*



**CIRI-CIRI**

Burung dewasa boleh dikenalpasti dengan bulu yang berwarna putih, tapak kaki berwarna kuning, manakala betis dan paha pula berwarna hitam. Paruh pula panjang dan pipih berwarna hitam, manakala kulit muka berwarna kuning kehijauan atau kuning kekelabuan. Pada musim mengawan, kelihatan dua jambul pada bahagian belakang kepala dan pada bahagian dada. Kulit muka pula berwarna biru cerah atau jingga. Bagi anak pula, warna keseluruhan adalah putih, manakala pangkal paruh dan kaki berwarna kelabu kehijauan.

**MAKANAN**

Ia memakan ikan, amfibia, ketam, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

**HABITAT**

Ia boleh ditemui di pelbagai kawasan terbuka yang berair dan kuala-kuala tanah lembap, dan kawasan pertanian hingga ke ketinggian 800 m dari aras laut.

**BUNYI**

Ia mengeluarkan bunyi garau *kgarrk* atau yang lebih panjang *aaahk* sekiranya terkejut.

**PEMBIAKAN**

Ia boleh dijumpai di dalam kumpulan sama ada kumpulan kecil atau besar. Musim membiak adalah di antara bulan Jun hingga Ogos dengan menghasilkan telur di antara 3-5 biji.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.